

KEGAGALAN BANGSA-

Dr. M. Overbeer trips.

BANGSA BERSATU KERANA

UM 2 OCT 1966

SIKAP KUASA BESAR

TERLEBIH dahulu ingin saya sampaikan setinggi-tinggi tahniah perwakilan saya atas pemilihan tuan ke jawatan Presiden Sessi Ke-41 Perhimpunan Agung ini. Kami merasa gembira dan bangga mempunyai seorang presiden yang berwibawa dari sebuah negara yang sejak lama menjalin hubungan erat dan bersaudara dengan Malaysia. Pemilihan sebulat suara tuan sebagai presiden perhimpunan ini merupakan pengiktirafan terhadap kecekapan dan pengalaman tuan sebagai seorang diplomat yang cemerlang.

Dalam semangat yang sama saya ingin melahirkan penghargaan kami kepada presiden yang meletakkan jawatannya, Duta Jaime de Pinies kerana sumbangannya yang tidak ternilai dan kecekapan beliau mengendalikan sesi ke-40 Perhimpunan Agung dahulu. Tempoh jawatan Duta de Pinies juga dianggap sungguh istimewa kerana ianya kebetulan serentak dengan sambutan ulangtahun ke-40 Bangsa-Bangsa Bersatu.

Selama beberapa tahun lalu kita telah menyaksikan dengan pandangan semakin berat kegagalan Bangsa-Bangsa Bersatu. Adakah kita membiarkan sahaja pertubuhan ini disisihkan hinggalah ia tidak mungkin bangun semula, atau tidakkah patut kita bertindak dengan matlamat bersama untuk memulihkan kehidupan dan erti kepada Bangsa-Bangsa Bersatu?

Sekiranya kita mahu menilai berpandukan kepada apa yang telah diperkatakan oleh ramai pemimpin dunia yang penting dan cemerlang semasa sesi ulangtahun ke-40 yang diadakan tahun lalu, kita nampaknya sebulat suara dalam melahirkan kebimbangan kita bahawa pertubuhan ini hendaklah jangan dibiarkan mengalami nasib yang sama dengan pertubuhan yang wujud sebelumnya, Liga Negara-Negara. Setelah merenung ke belakang kita semua tahu kenapa liga tersebut gagal dan apakah akibatnya.

Sedih sekali bagi kita memikirkan akibat kegagalan sebuah Bangsa-Bangsa Bersatu sehingga ia kini menjadi hanya suatu upacara yang semakin tidak bererti untuk kita bertemu di sini sekali setahun, menyampaikan ucapan kita, kemudian pulang dan melupakan segala-galanya sehinggalah berlangsungnya sesi yang akan datang.

Jika langkah membina yang sebenar tidak diambil untuk membetulkan keadaan ini, arah-alir akan berterusan sehingga kewujudan Bangsa-Bangsa Bersatu menjadi tandatanya. Akhirnya, sekiranya pertubuhan ini tidak lagi memberi faedah kepada sesiapa, kenapa perlu kita memberikan sumbangan kepadanya?

Bagi majoriti kita, negara-negara kecil, negara membangun, sukar sekali hendak dibayangkan wujudnya sebuah dunia tanpa Bangsa-Bangsa Bersatu. Malah, banyak negara di sini berhutang budi kemerdekaan mereka kepada usaha Jawatankuasa Pembebasan Tanah Jajahan Bangsa-Bangsa Bersatu. Bagi kita, PBB bukan sekadar lambang semata-mata. Di Bangsa-Bangsa Bersatu terletak harapan kita bagi masa depan yang lebih sempurna, bagi keadilan, perdamaian dan kestabilan dan kemakmuran untuk semua umat manusia.

Oleh itu tak dapat tiada Bangsa-Bangsa Bersatu akan kekal penting, peranannya semakin bertambah dan bukan tertakluk kepada kepentingan negara atau blok tertentu. Di sebalik rasa curiga yang mungkin dilahirkan setengah pihak terhadap Bangsa-Bangsa Bersatu, janganlah kita lupa bahawa Bangsa-Bangsa Bersatu hanya akan menjadi apa yang kita inginkan padanya.

Hakikatnya ialah bahawa beberapa buah negara kaya dan kuat, di sebalik tuduhan mengenai "majoriti automatik", ketetapan - ketetapan "keterlaluan" dan yang "tidak berguna" mempunyai kelebihan dalam membentuk Bangsa-Bangsa Bersatu. Sekiranya pertubuhan ini gagal

memenuhi apa yang diharapkan, tanggungjawab terletak lebih berat di bahu negara - negara berkuasa tersebut yang mengharapkan Bangsa-Bangsa Bersatu menjadi alat memenuhi tujuan-tujuan tertentu, untuk kepentingan - kepentingan tertentu.

Tanggungjawab itu juga semestinya terletak di pihak negara - negara membangun yang kecil. Pertumbuhan berasaskan semata-mata pada haluan ideologi atau politik tidak mungkin dapat membawa kepada penyelesaian yang bererti. Sebagai negara - negara kecil yang membangun, kita hendaklah kekal sensitif kepada tanggungjawab kita, seperti halnya kita mahu negara-negara maju dan berkuasa mengasaskan keputusan mereka pada kelebihan sesuatu isu tertentu, ditentukan oleh prinsip-prinsip yang menjadi teras kepada matlamat Bangsa-Bangsa Bersatu.

Dianggap perlu

Bagi kita pula, perlulah dibandingkan majoriti yang kita nikmati dengan apa yang dianggap perlu, praktikal dan realistik. Lebih penting lagi, kita hendaklah jangan membiarkan diri kita menjadi wakil atau proksi, mengasaskan keputusan kita kepada pegangan ideologi atau kepentingan blok, tanpa mengambil kira prinsip-prinsip yang terlibat.

Terdapat pula setengah daripada kita yang hanya manis di mulut ketika melahirkan prinsip-prinsip itu, tetapi membisu bila ianya memenuhi selera mereka tetapi melenjing bila prinsip-prinsip itu dilanggar.

Ada juga beberapa daripada kita yang tidak langsung mematuhi prinsip-prinsip, mencabul keutuhan wilayah dan kedaulatan negara-negara kecil yang lemah, menggunakan kekerasan senjata dan ketenteraan. Marilah kita negara-negara yang kecil, melaksanakan tanggungjawab kita sebagai anggota pertubuhan ini dengan sikap matang, waras dan adil saksama.

Bukan suatu kebetulan bahawa beberapa buah negara yang telah mengasas dan merintis Bangsa-Bangsa Bersatu, beransur-ansur membenci pertubuhan ini selepas bertambahnya keanggotaannya hasil daripada pembebasan tanah-tanah jajahan. Kemudahan kedengaranlah kata-kata tentang "kekejaman pihak majoriti", tentang majoriti "automatik" dunia ketiga terhadap kepentingan negara-negara tertentu. Sementara itu semakin menjadi kebiasaan di setengah pihak mencemuh dan menghina Bangsa-Bangsa Bersatu dengan tuduhan "belanjawan yang semakin besar" dan "keterlaluan" serta "sia-sia" dalam membuat ketetapan.

Tuan presiden adalah meleset dan membahayakan pertubuhan ini untuk berpura-pura kononnya Bangsa-Bangsa Bersatu tidak perlu diperbaiki dan tidak boleh dijadikan lebih berkesan. Selama beberapa tahun lalu, memang terdapat serba sedikit "kelebihan" yang perlu "dikurangkan." Kekesannya pula perlu dikaji semula dari masa ke masa untuk meningkatkan lagi peranannya.

Bagaimanapun tujuan memperbaiki Bangsa-Bangsa Bersatu mestilah sentiasa berpandu kepada piagam yang termaktub. Ketika Bangsa-Bangsa Bersatu nampaknya telah terselamat daripada kesan kemelesetan dunia, untuk menganggap krisis kewangan sekarang berpunca daripada kelengahan membayar sumbangan oleh negara-negara anggota adalah karut sama sekali.

Krisis aliran wang tunai sekarang sebenarnya adalah akibat tertanggungnya sumbangan dari masa ke masa kepada pertubuhan ini dan juga keanggotaan sekretariat yang melebihi sepatutnya. Sambil kita memuji usaha kumpulan 18 negara untuk mengurangkan paras kakitangan di sekretariat ini dan mewajarkan peraturan pentadbiran serta belanjawan pertubuhan ini, kita tidak bersetuju dengan pendapat bahawa sumbangan yang wajib oleh sesebuah negara anggota boleh ditahan demi untuk memaksa supaya diterima syarat-syarat yang diputuskan berseendirian oleh sesebuah negara.

Biar betapa kurang menyenangkan sekalipun peraturan yang mungkin dirasakan oleh sesebuah negara anggota, sebarang usaha meminda peraturan sedemikian hendaklah dilakukan di dalam peraturan yang telah dipersetujui dan selaras dengan sistem yang telah ada. Sebarang anggapan bahawa sesebuah negara, biar betapa kecil atau besarnya, boleh memaksakan syarat-syaratnya sendiri, hanya akan menyebabkan kerumitan yang tidak sejajar dengan semangat dan piagam yang padanya Bangsa-Bangsa Bersatu diasaskan.

Peraturan berlandaskan konsep persamaan hak negara - negara, hendaklah jangan digugat, kerana inilah salah satu daripada tunjang di mana terbinanya Bangsa-Bangsa Bersatu. Biar apapun rasa tidak puas hati

kita terhadap Bangsa-Bangsa Bersatu, keanggotaan di dalam pertubuhan ini menghendaki kita menerima prinsip-prinsip asas tertentu dan bergerak selaras dengan garis panduan yang telah dipersetujui.

Isu ini tidak dikawal melalui hak mengundi majoriti. Malah ia merupakan proses yang rumit dan mengambil masa untuk mendapatkan persefahaman dan kata sepakat bagi menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh semua anggota.

Walaupun kita sering mendengar banyak kecaman mengenai ketidakcekapan Bangsa-Bangsa Bersatu daripada beberapa pihak tertentu, anehnya mereka kekal membisu mengenai beberapa isu di mana Bangsa-Bangsa Bersatu telah gagal — gagal bukannya kerana tidak mencuba, tetapi gagal semata-mata kerana berbagai halangan yang menyebabkan banyak ketetapan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai isu-isu ini tidak dapat dilaksanakan. Pendek kata, mereka gagal kerana sikap kuasa-kuasa besar itu sendiri.

Kita sungguh kecewa bahawa di sebalik usaha kita selama bertahun-tahun untuk menamatkan sistem apartied di Afrika Selatan, ia masih wujud, melanggar setiap konsep dan prinsip kesopanan manusia. Tiada siapapun daripada kita menafikan bahawa apa yang berlaku di Afrika Selatan tidak mungkin dapat dibela.

Namun demikian ia tetap wujud kerana beberapa buah negara kaya dan kuat, yang sepatutnya dapat menggagalkannya, tidak mahu turut serta secara bererti untuk menghapuskan sistem kejam ini.

Negara-negara ini, yang sambil di satu pihak mengutuk apartied, di pihak lain pula terus memberikannya sokongan dengan enggan menamatkan dasar-dasar yang berasaskan "penglibatan membina" dan "pujukan lembut" yang tentunya telah gagal sama sekali. Namun begitu negara-negara ini telah pula diketahui mengenakan kepungan tentera laut ketika menyelesaikan masalah-masalah mereka sendiri.

Apertied ialah suatu sistem yang telah menjadikan perkauman suatu institusi bagi tujuan mengekalkan penguasaan sebuah masyarakat minoriti kulit putih ke atas masyarakat majoriti kulit hitam. Perkembangan di Afrika Selatan baru-baru ini cukup membuktikan bahawa Pretoria tidak mungkin dapat dipupuk supaya menamatkan dasar apartiednya.

Sesungguhnya, rejim tersebut telah berterus terang mengatakan ia ingin mengekal dan menguatkuasakan apartied. Oleh itu, untuk meneruskan suatu dasar seperti "penglibatan membina" hanya bererti memberikan isyarat yang salah kepada Pretoria.

Jalan yang ada sekarang ialah untuk mengenakan sekatan ekonomi dengan bersungguh - sungguh. Ada beberapa buah negara tertentu menghujah kononnya sekatan ekonomi adalah tidak berkesan dan hanya akan memaksakan tekanan ekonomi ke atas negara-negara barisan hadapan dan memburukkan lagi nasib orang-orang kulit hitam di Afrika Selatan.

Memang diakui bahawa sekatan ekonomi akan membawa padah kepada negara-negara Afrika yang berjiran dan penduduk kulit hitam di Afrika Selatan. Bagaimanapun penghinaan yang telah mereka tanggung sekian lama di bawah apartied adalah jauh lebih menyakitkan. Tambahan pula, sekiranya kita benar-benar berazam, banyak yang dapat kita lakukan untuk mengatasi penderitaan ini dan mendapatkan penyelesaian yang segera.

Orang-orang kulit hitam di Afrika dan negara-negara barisan hadapan tersebut cukup sedar dengan nasib mereka. Kuasa - kuasa penjajah dengan licinnya telah menyusun ekonomi negara-negara tersebut hingga membuat mereka bergantung sepenuhnya kepada Afrika Selatan. Dengan itu mudahlah rejim Pretoria mengambil tindakan balas yang berkesan.

Malah ia menjadi lebih berkesan lagi oleh kesungguhan Afrika Selatan mengkhianati talian komunikasi, terutamanya di negara-negara yang dikelilingi daratan tersebut. Dalam hal ini Afrika Selatan ditolong oleh para pemberontak yang sengaja dipelihara oleh negara-negara tertentu.

Sidang kemuncak Pergerakan Berkecuali di Harare telah memutuskan untuk menubuhkan Tabung Wang Perpaduan untuk selatan Afrika. Bagaimanapun sokongan dunia Barat dan Jepun adalah perlu untuk memastikan ianya berkesan atau memberi erti. Semasa kepungan ke atas Berlin (dalam Perang Dunia Kedua) bantuan dari udara besar-besaran telah diatur untuk memecahkan kepungan tersebut. Kepungan balas Afrika Selatan hendaklah dipecahkan secara yang sama dan dengan kezaman oleh negara-negara pencinta kebebasan lainnya.

Lambat laun kerajaan kejam di Pretoria dan dasar apartheidnya akan lenyap jua. Marilah kita bantu mempercepatkannya. Marilah kita berikrar memberikan segala pertolongan yang mampu dengan mengepung Afrika Selatan dan menolong memastikan segala bekalan dan bantuan sampai ke negara-negara barisan hadapan tersebut.

Masanya sudah tiba bagi negara-negara yang mendakwa mempunyai prinsip-prinsip mulia dan bersedia untuk mengutuk negara-negara dunia ketiga kerana dikatakan menindas kebebasan supaya mengota apa yang mereka katakan. Afrika Selatan mestilah dibebaskan. Namibia mestilah dikembalikan kepada rakyatnya berasaskan Ketetapan 435 Majlis Keselamatan tanpa sebarang "ikatan". Adalah tidak diterima bahawa rakyat Namibia terpaksa dijadikan tebusan kerana apa yang dikatakan "kesalahan" sebuah negara lain.

Bangsa pelarian

Soal Palestin adalah satu isu lain yang telah gagal diselesaikan oleh pertubuhan ini, walaupun perkara ini sentiasa wujud di agenda hampir sejak terasasnya Bangsa-Bangsa Bersatu. Ketidakupayaan menyelesaikan isu asas ini telah menyebabkan seluruh rantau Asia Barat kekal bergelora.

Masalah Palestin bermula dengan wujudnya Israel, setelah terusirnya rakyat Palestin. Kerana Israel wujud hasil keputusan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 1948, dan bahawa keputusan itu telah dihormati dan dipegang oleh kuasa-kuasa besar, maka wajiblah kuasa-kuasa besar itu, jika tidakpun Israel, menghormati dan memegang ketetapan - ketetapan Bangsa-Bangsa Bersatu yang seterusnya mengenai isu tersebut.

Sejarah tidak mungkin dapat diundurkan lagi dan kita terpaksa menerima kenyataan ini. Begitulah juga dengan rakyat Palestin, suatu realiti dengan sejarah mereka sendiri, tradisi mereka, kebudayaan dan identiti nasional mereka. Suatu realiti juga bahawa rakyat Palestin telah dipaksa menjadi suatu bangsa pelarian yang selama dua generasi telah lahir di khemah-khemah pelarian, diburu, dianiaya, dibom dan dihapuskan.

Kita sebenarnya sedang menyaksikan pembunuhan beramai-ramai yang dilakukan ke atas rakyat Palestin. Israel, di satu segi, telah dibiarkan bermaharajalela melakukan apa yang ia mahu menerusi sokongan dan perlindungan oleh kuasa-kuasa besar yang mampu menggagalkan sebarang usaha oleh masyarakat antarabangsa mencari penyelesaian berpandukan keadilan.

Ketara sekali bahawa, tanpa suatu dasar yang saksama oleh kuasa-kuasa besar, Bangsa-Bangsa Bersatu tidak mungkin dapat bertindak. Sempadan Israel pasti akar bertambah luas, menduduki bumi Arab sesuka hatinya dan sebarang tindakan yang dilakukan oleh Israel, biar betapa kejamnya, akan dibela sebagai melindungi keselamatan negaranya.

Rakyat Palestin pula, sebaliknya tidak dapat bertindak seperti Israel kerana sumber kekuatan mereka yang terhad. Dalam pada itu, mereka terpaksa berhadapan media yang dikuasai oleh Zionis dan tentunya memusuhi mereka. Oleh itu rakyat Palestin, tidak seperti Israel, terpaksa menghadapi segala-galanya dalam perjuangan mereka mendapatkan hak dan identiti mereka. Dalam proses ini, rakyat Palestin sentiasa dikutuk oleh dunia yang tidak menghiraukan hakikat bahawa Israel sendiri adalah hasil daripada keganasan, bahawa serangan dan gangguannya terhadap orang - orang Arab di wilayah-wilayah yang didudukinya dan ditempat lain, sebenarnya adalah dasar yang berasaskan kekejaman.

Kerana kita masih memperkatakan tentang keganasan, Tuan Presiden, izinkan saya menekankan bahawa negara saya menyertai masyarakat antarabangsa dalam mengutuk keganasan. Ketara sekali bahawa Bangsa-Bangsa Bersatu mampu meluluskan suatu ketetapan dengan sebulat suara untuk menentang keganasan. Pandangan berat kami meliputi keganasan oleh kerajaan-kerajaan.

Walaupun kami tidak memandang bulu dalam kutukan kami terhadap keganasan, janganlah pula diabaikan hakikat bahawa dasar-dasar seperti yang diamalkan oleh Israel berasaskan keganasan dan boleh menyebabkan tindakan balas yang berasaskan psikologi keganasan. Sekiranya kita mahu mengutuk dan bertindak terhadap keganasan, janganlah kita memandang bulu, mahupun menggunakannya sebagai suatu langkah balas.

Dalam banyak krisis besar yang dihadapi oleh dunia, majoriti negara-negara kini hanya bertindak selaku pemerhati yang tidak mampu bertindak atau mempengaruhi, tidak lebih daripada melahirkan kemarahan serta rayuan. Malah dalam beberapa kes di mana berlakunya sengketa tempatan yang terhad, tangan kuasa-kuasa besar sentiasa berada di balik tabir mengapi-apikan sengketa tersebut.

Ketidakupayaan kita bertindak diburukkan lagi bila sesebuah kuasa besar terlibat, dan bulat-bulat mengeneipkan segala rukun asas Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu. Bagaimanapun, seperti negara-negara membangun yang kecil, kita hendaklah terus meninggikan suara menentang sebarang kejadian apabila prinsip-prinsip penting seperti kedaulatan negara dan keutuhan wilayah negara-negara dicabul. Kita, semua negara kecil, adalah bakal mangsa-mangsa.

Kes Afghanistan, Tuan Presiden, merupakan satu contohnya. Sebuah negara merdeka dan berdaulat ditakluk dan diduduki oleh salah sebuah negara paling berkuasa di dunia. Bagi Soviet Union, sebuah anggota tetap Majlis Keselamatan, salah satu negara yang sepatutnya kita amanahkan soal-soal perdamaian dan keselamatan dunia, melakukan tindakan sekeji itu, menyebabkan kita sentiasa dalam ketakutan. Kita tidak pernah menerima apa yang berlaku di Afghanistan sebagai nasib. Kita hendaklah terus mengutuk tindakan Soviet itu dan bonekanya. Seperti juga dengan majoriti rakyat Afghanistan, walaupun mereka terus menderita, tetap berjuang dan menentang pencero-bohan.

Begitu juga, masyarakat antarabangsa janganlah sekali-kali menerima pendudukan Vietnam di Kampuchea. Sesungguhnya, masyarakat antarabangsa telah berulang kali kutukan mereka terhadap Vietnam, tetapi negara itu tetap berkeras menolak segala usaha mencari penyelesaian damai. Sikap angkuh ini adalah kerana sokongan teguh yang diperolehi Vietnam daripada sebuah kuasa besar. Sungguh aneh bahawa Vietnam, yang telah berjuang begitu lama menentang penguasaan asing, kini sanggup memaksakan kehendaknya ke atas sebuah jiran kecil yang lemah.

LIHAT MUKA 15

HUTANG MALAYSIA MENINGKAT BILA JEPUN NAIKKAN NILAI YEN

SAMBUNGAN DARI MUKA 8

Seperti halnya kita berdiri teguh di pihak pejuang Mujahidin di Afghanistan, begitu juga kita hendaklah berdiri di pihak rakyat Kampuchea dalam perjuangan mereka. Walaupun Malaysia dan negara-negara ASEAN mengalu-alukan usaha para pejuang penentangan Kampuchea di bawah kepimpinan Pute-
ra Norodom Sihanouk, kita sering menggalakkan penyelesaian di meja rundingan. Dalam konteks ini kita menggesa Vietnam supaya menimbangkan semula penolakannya terhadap cadangan lapan perkara yang telah dikemukakan oleh Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea.

Dasar

Malaysia percaya cadangan lapan perkara itu mengandungi unsur-unsur untuk rangka dasar rundingan yang boleh membawa kepada penyelesaian damai menyeluruh kerana ianya berpandukan kepada suatu dasar perdamaian kebangsaan

perubahan ini salah bila ia mengutuk tindakan sedemikian? Sekiranya terdapat suatu majoriti "automatik", tidakkah juga terdapat kecenderungan di pihak kuasa-kuasa besar menggunakan secara membuta-kuli kekuatan mereka ketika mereka tidak menyukai pendirian pihak majoriti itu?

Salah satu daripada berbagai isu yang kita hadapi ialah perlucutan senjata — isu yang menghantui mereka selama beberapa tahun. Jelas sekali bahawa masalah perlucutan senjata tidak dapat diselesaikan dengan berkesan kecuali kuasa-kuasa besar bertekad untuk berunding penyelesaian menghentikan penggunaan tanpa batasan dan akhirnya menghapuskan timbunan senjata nuklear tersebut.

Kita telahpun mempunyai himpunan alat nuklear yang mencukupi untuk memusnahkan dunia. Jika sekalipun kita memutuskan untuk membuangnya, kita tidak dapat melakukannya. Kita telahpun mengakui kebimbangan kita meng-

pai dengan membazirkan punca - punca terhad di atas senjata nuklear. Jika kuasa-kuasa besar berhenti membina kelengkapan nuklear masing-masing, kita tidak akan meminta mereka membelanjakan simpanan mereka bagi membasmi kemiskinan, keburluran dan penyakit. Mereka boleh membelanjakannya bagi diri sendiri bagi apa tujuan sekalipun, asalkan ianya lebih baik dari mengeluarkan senjata-senjata yang boleh memusnahkan itu.

Sejak Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu 1985, situasi ekonomi dunia telah menjadi sangat buruk. Kita berhim-mah perlucutan senjata tidak waktu ekonomi hampir kesemua negara sedang membangun berada dalam keadaan tenat. Tekanan terhadap ekonomi negara-negara sedang membangun, dalam beberapa bulan terakhir ini, adalah suatu perkara yang luar biasa dari segi skopnya. Bebanan hutang negara-negara sedang membangun kini berada di paras tertinggi, sementara syarat-syarat perdagangan bagi kami menjadi semakin menekan dan buruk.

yang lebih teruk lagi.

Jika masalah sebenarnya ialah import Jepun yang banyak di Amerika Utara dan Eropah, ianya akan menyebabkan kerosakan yang kurang kepada negara-negara miskin, jika duti import yang tinggi dikenakan. Tetapi menaikkan nilai yen yang menimbulkan kekacauan dalam ekonomi kami telah tidak memberi kesan kepada sekatan terhadap import barang-barang Jepun di Amerika Utara dan Eropah.

Negara-negara sedang membangun kesemuanya bergantung kepada eksport barangan utama bagi mendapatkan pertukaran asing. Sekarang kesemua barangan utama mengalami penurunan harga yang rendah, setengahnya jatuh lebih dari enam puluh peratus. Beberapa rangkaian faktor telah menyebabkan harga barang-barang ini jatuh melewati paras harga ke-melesetan.

Pertamanya, teknologi baru telah membuatkan bahan-bahan mentah tradisional tidak lagi berguna. Sama ada bahan baru ataupun murah telah digantikan, sebagaimana gelas fibre menggantikan tembaga dalam telekomunikasi atau-

bagi membayar jumlah yang berkurangan barangan mereka, sekarang ini kami tidak lagi boleh sekali-pun menjual lebih barangan utama kami bagi membeli barangan buatan yang semakin mahal. Dan kerajaan-kerajaan kami mendapati bertambah sukar memperoleh matawang asing yang mencukupi bagi membayar hutang-hutang mereka.

Pemeras

Kejatuhan harga barangan utama mendorong satu reaksi berangkaian di mana kesemua aktiviti ekonomi menjadi perlahan atau terdesak menjadi tidak bergerak. Sebagai biasa, di waktu sebegini para pemberi hutang menjadi pemeras.

Jadi bagaimana kita dengan jujur dapat berkata bahawa negara-negara kaya tidak boleh disalahkan bagi malapetaka ekonomi kami? Bagaimana kami tidak melihat dengan ketakutan persidangan masa depan tujuh negara perindustrian yang kaya ini?

Dalam masa yang sama terdapat juga sistem kewangan antarabangsa yang tidak cekap. Negara-negara berdaulat tidak lagi ber-

mulihan ekonomi dalam negara-negara maju yang utama dan perluaskan pasaran bagi eksport dari negara-negara sedang membangun.

Sebagai tambahan, institusi-institusi kewangan antarabangsa sewajarnya menyediakan peruntukan bagi membiayai projek-projek pembangunan jangka panjang di negara-negara sedang membangun, di samping bantuan kewangan jangka pendek. Di sinilah PBB dan agensinya mempunyai peranan yang besar untuk dimainkan.

Baru-baru ini Malaysia mengambil langkah mengaktifkan kerjasama ekonomi di kalangan negara-negara sedang membangun dengan menjadi tuan rumah bagi Persidangan Antarabangsa Selatan-Selatan Kedua atau Selatan-Selatan II di Kuala Lumpur. Ramai ahli ekonomi, cerdik pandai dan negarawan dari dunia ketiga bertemu dan membincangkan situasi ekonomi dunia dan pendekatan-pendekatan ke arah memperbaiki keadaan ekonomi negara-negara sedang membangun.

Kita tidak boleh men-
erika bahawa tujuh negara
yang mempunyai hak
yang eksklusif untuk

nomi antarabangsa bagi menjamin pertumbuhan ekonomi antarabangsa yang stabil dan kekal dan juga mempergiatkan perdagangan antarabangsa dan sistem kewangan yang dapat bertindak balas terhadap keperluan - keperluan dan bagi faedah semua negara. Dalam semangat inilah Malaysia mengalu-alukan pelancaran Barisan Perbincangan Perdagangan Multi-lateral di Punta del Este September ini.

Satu isu besar yang memerangi kita yang memerlukan perhatian segera ialah masalah dadah antarabangsa. Manifestasi zaman modennya termasuk menakluki seluruh negara mencerminkan betapa perlunya tindakan antarabangsa yang konkrit dan muktamat bagi mengatasi masalah ini. Dengan itu Malaysia mengalu-alukan persidangan antarabangsa mengenai penyalahgunaan dadah dan penyeludupan haram pada Jun tahun depan. Peluang ini sepatutnya digunakan sepenuhnya. Kita patut mengumpulkan segala tenaga dan menyatukan semua usaha bagi menghapuskan penyalahgunaan ini dari melemahkan ketahanan negara kita.

yang termasuk semua pihak. Cadangan - cadangan itu juga menghendaki diadakan pilihanraya bebas dalam mana semua pihak boleh mengambil bahagian.

Ini semestinya suatu cadangan yang adil dan munasabah selaras dengan prinsip menentukan nasib sendiri dan Bangsa-Rangsa Bersatu. Bagaimanapun Vietnam nampaknya tetap berdegil menolak segala - galanya selain daripada penyelesaian tenteranya sendiri.

Di Amerika Syarikat, Tuan Presiden, kuasa - kuasa besar tersebut serta para wakil mereka pula tetap giat, cuba membentuk kerajaan - kerajaan dan negara-negara dalam imej mereka sendiri melalui hasutan, probokasi dan mengarahkan pemberontakan. Adakah majoriti di dalam

enai radiasi dan kemusnahan. Hari kiamat yang ditakuti itu mungkin semakin hampir berbanding dengan yang kita sangkakan.

Lanya adalah satu prospek yang sungguh menakutkan yang mana kehidupan manusia mesti bergantung di atas "imbangan keganasan." Rakyat Malaysia dipanggil "manusia tidak bertamadun" kerana kami menggantung penjenayah kulit putih yang melakukan kesalahan berhubung dengan dadah, sebagaimana kami menggantung mereka yang lain juga kerana jenayah yang sama. Apa yang patut kita panggil kepada mereka yang mengancam untuk menghapuskan keseluruhan umat manusia dalam melaksanakan strategi peperangan mereka?

Usaha mendapatkan keamanan tidak dapat dica-

Kami tidak berniat menyalahkan negara - negara kaya bagi kesemua masalah kami tetapi kenyataan membuktikan bahawa perbuatan merekalah yang kelihatan di dasar krisis ekonomi kami yang buruk ini.

Teruk

Mari kita ambil hutang negara sebagai contoh. Apabila tujuh negara kaya mempunyai ketidakseimbangan dalam perdagangan, penyelesaian mereka adalah memaksa penilaian semula mata wang yen dan deutschmark. Banyak negara Asia Tenggara meminjat yen dengan banyak. Kenaikan nilai yen sahaja telah menaikkan hutang Malaysia kepada Jepun sebanyak enam puluh peratus. Negara - negara lain berada dalam keadaan

pun jumlah yang digunakan telah dikurangkan dengan banyaknya menyebabkan bahan mentah sebagai input tidak lagi perlu. Dalam masa yang sama teknologi baru juga telah menambahkan jumlah keluaran bahan - bahan mentah.

Maka berlakulah lebih bekalan dan menjadi semakin tenat bila negara - negara kaya memberi subsidi kepada pengeluaran dan jualan barangan mereka. Negara - negara miskin tidak akan dapat memberi subsidi hingga ke paras yang termampu oleh negara - negara kaya dan mereka kalah dalam kesemua pasaran tradisional mereka.

Jika di masa lampau syarat - syarat perdagangan dalam kedudukan di mana kami terpaksa menjual lebih bagi barangan utama

kuasa ke atas matawang mereka. Para spekulator termasuk bank-bank boleh menolak matawang naik dan turun sesuka hati. Sebenarnya, perniagaan barangan telah bertukar menjadi perniagaan mata wang. Keadaan adalah sangat tidak menentu dan orang - orang yang mempunyai pemikiran yang serius mestilah mencari satu rejim kewangan yang lebih teratur jika masalah negara - negara siputang dan si berhutang mahu diselesaikan.

Tuan Presiden, pada langkah pertama, negara - negara si piutang seharusnya menolong meninggikan pertumbuhan dalam negara - negara si berhutang. Maka patutlah dikurangkan kadar faedah, distabilkan kadar pertukaran asing, kurangkan kurangan belanja, merancang bagi pe-

memaksa cara penyelesaian mereka terhadap masalah - masalah ekonomi dunia. Kini sudahpun berlaku di mana pendekatan tukaran asing mereka telah membuatkan kami bertambah miskin. Jadi sebuah Suruhanjaya Bebas Selatan telahpun dibentuk, dipengerusikan oleh bekas Presiden Julius Nyerere bagi memeriksa dan mencajangkan langkah - langkah praktikal bagi kita ambil. Kami harap PBB dan negara - negara ahli akan menolong suruhanjaya ini dalam apa bentuk sekalipun.

Malaysia harap dapat berganding bahu dengan pertambahan dalam negara - negara lain-lain negara sedang membangun dalam menyeru negara - negara maju bertindak secara adil dan saksama terhadap berbagai isu yang dihadapi oleh eko-

Di Malaysia, kami memerangi bahaya dadah ini dengan bersungguh - sungguh dalam segala segi dan dengan apa juga senjata yang kami ada. Kami akan terus menggantung para pengedar dadah mengikut undang - undang kami tanpa mengira warna kulit dan bangsa. Kami lebih memilih menjadi tidak popular di kalangan pihak - pihak tertentu dari bersikap talam dua muka. Hanya dengan cara ini sahaja para penjenayah jenis ini tahu bahawa mereka tidak boleh hidup gembira dengan pendapatan haram mereka, maka mereka akan berhenti. Hukum mati adalah satu hukuman yang adil bagi penjenayah ini, di mana hanya kematian akan memberhentikan segala penderitaan dan kematian.

Bagi kami, peperangan hanya baru bermula. Masyarakat antarabangsa mesti mengisytiharkan peperangan secara besar - besaran terhadap penyalahgunaan dadah dan juga penyeludupan-penyeludupan secara yang keras juga. Persidangan antarabangsa mengenai dadah tidak sahaja patut mengemukakan langkah - langkah tertentu tetapi juga mestilah ada komitmen politik yang tegas oleh semua negara yang mengambil bahagian, pada peringkat tertinggi politik, bagi mengambil tindakan yang terdaya oleh mereka.

Tidak patut ada satu ruang pun yang tidak digunakan dalam memerangi bahaya ini. Kita mahu melihat komitmen politik sedemikian dinyatakan dalam satu kenyataan bersama atau pengisytiharan. Ini mestilah di atas dan sebagai tambahan kepada langkah - langkah khas berbagai disiplin yang komprehensif. Kami merasakan kenyataan yang menggambarkan kesediaan politik seperti itu penting bagi kejayaan pelaksanaan langkah - langkah yang telah kita tetapkan.

Apabila sudah ada komitmen politik, maka sumber dadah perlu disekat dengan apa juga senjata, di mana sahaja. Peperangan besar - besaran mesti diteruskan dan juga mesti dijalankan di peringkat antarabangsa. Peperangan memusnahkan keluarannya terlalu besar dan terlalu mahal bagi mana-mana juga negara pengeluar menanggungnya seorang diri.

Saya gembira dengan minat yang ditunjukkan oleh tuan dan sokongan yang diberikan oleh perhimpunan agung ini atas isu Antartika. Komitmen positif PBB mengukuhkan semangat Malaysia dan lain-lain negara yang berfikiran sama dalam hal ini bagi meneruskan tercapainya matlamat menjadi Antartika kawasan untuk manusia sejagat dan bukan untuk beberapa kerat negara sahaja.

Pentingnya Antartika ke-

pada manusia sejagat tidak perlu dipersoalkan lagi. Atas sebab inilah kami tidak akan tunduk kepada tekanan setengah pihak supaya kami berundur dari komitmen kami ini. Antartika sepatutnya berada di bawah rejim antarabangsa yang dipersetujui dan diruskan bagi faedah semua manusia. Kami akan terus memperjuangkan matlamat ini bersama dengan pihak lain yang berminat termasuk Consultative Parties (CP) bagi perjanjian Antartika.

Tidak terdapat persekutuan pada tahun lepas di sebalik usaha kami. CP memilih berdiam dengan pendirian mereka yang berbeza dengan kehendak majoriti.

Apa yang kami mahu ialah lebih maklumat dan kajian yang menyeluruh serta terbaru mengenai Antartika, lebih maklumat mengenai perbincangan tentang sumber - sumber galian dan kaji susul sebagai tindak balas dari CP berhubung dengan seruan perhimpunan agung PBB bagi penyingkiran Afrika Selatan dari mengambil bahagian dalam ATCP. Tetapi usaha ini dan sikap sederhana jelas tidak diterima.

Kami tidak mencari konfrontasi. Tidak juga kami berhasrat mengancam keselamatan dan kepentingan CP, jauh sekali dari mahu menghancurkan rangka kerja yang telah dibina oleh CP. Apa yang kami mahu ialah sistem pengurusan yang dapat diterima di peringkat antarabangsa bagi Antartika yang menjaga kepentingan semua manusia secara sepenuhnya. Apa yang kami harapkan ialah situasi yang ada sekarang ini diperbaiki yang mana kini lebih bersifat mengun-

tungkan sebahagian kecil negara sahaja yang bercanggah dengan hasrat antarabangsa.

Kami mempunyai komitmen yang jelas dalam hal ini. Kami tidak mahu berganjak dalam mencari matlamat - matlamat yang telah kami gariskan pada 1982 lalu. Tanpa kerjasama dan penyertaan CP tidak akan memudahkan semangat kami meneruskan usaha mencapai matlamat ini. Adalah hak CP untuk menyertai ataupun tidak, tetapi bagi kami, keputusan telahpun dibuat. Dengan ini kami menyeru CP bekerja bersama - sama kami bagi mencapai matlamat - matlamat tadi.

Sebagai penutup, tuan presiden, saya ingin menegaskan sokongan Malaysia dan komitmen kami kepada PBB. Jika pertubuhan meneruskan menyumbang kepada keamanan dunia dan kemajuan semua negara, besar dan kecil, kita mestilah membantu dan bertanggungjawab ke atas PBB. Sebagaimana kuasa - kuasa besar tidak patut berfikir yang PBB hanya untuk memenuhi kepentingan mereka sahaja, demikian juga negara - negara sedang membangun mesti menerima dasar yang sama. PBB mesti dihidupkan terus untuk berkhidmat untuk seluruh manusia. Kuasa - kuasa besar mempunyai tanggungjawab menentukan peranan PBB kerana mereka mempunyai keupayaan meneguhkan ataupun menghancurkan PBB. Malah bagi mereka pun, apa alternatif yang mereka ada? Barangkali hanya dengan kembali kepada sistem penyatuan dan perikatan akan dapat mengelakkan malapetaka.